

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

SOALAN NO. 18

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sebuah IPTA akan dibina di kawasan Parlimen Lipis.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Hal ini dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Untuk makluman, tanah di Lipis seluas 898.5 ekar merupakan milik Universiti Teknologi MARA (UiTM) sepenuhnya. Pihak UiTM telah mempunyai perancangan berhubung pembangunan tanah tersebut untuk dijadikan pusat penyelidikan dan juga untuk program berteraskan perladangan.